

“Ghulam” Jariah Khalifah

Biduan biduanita di zaman Khalifah al-Amīn salah seorang khalifah “Banī

‘Abbās” yang terkenal.

Oleh: William Basli

Terjemahan dari “al-Kawakib”

“Khali” ialah seorang biduan yang terkenal di zaman khalifah Al-amīn yang baharu sahaja menggantikan takhta kerajaan ayahandanya Harūn al-Rashīd. Nama sebenar Khali’ ialah “al-Ḥusayn Bin al-Daḥḥāk” dan digelar juga ia dengan Ibnu “al-Daḥḥāk” atau al-Daḥḥāk sahaja ertinya “anak kepada al-Daḥḥāk” atau diertikan juga dengan “anak yang suka ketawa,” kerana ia terkenal sebagai seorang biduan, ahli syair yang terkemuka dan hingga banyak syair-syair dan sajak-sajak ciptaannya dinyanyi-nyanyikan orang di zaman itu.

Ia salah seorang yang disayangi oleh khalifah al-Amīn, dan di mana sahaja khalifah itu mengadakan jamuan makan minum, mahu pun dalam perayaan-perayaan istana, Ibnu al-Daḥḥāk diundang untuk menghadiri majlis meriah itu untuk memperdengarkan nyanyian-nyanyian dari syair-syair dan sajak-sajak ciptaan baharunya, sambil makan minum dan disulam dengan kata-kata yang menggembarakan hati khalifah, kerana al-Daḥḥāk juga pandai berlawak jenaka yang tidak akan mengeringkan gusi para pendengarnya.

Kerana kebolehannya yang istimewa itulah sebabnya al-Daḥḥāk dikasihi dan dijadikan salah seorang yang terpenting dalam istana khalifah. Satu lagi

keistimewaannya ialah mengenai syair-syair dan sajak-sajak, biar siapa sahaja yang membaca atau menyanyikannya, ia dengan kecerdasannya dapat mengetahui siapakah penggubah atau pencipta yang asal mengenai sajak-sajak atau syair-syair yang baharu didengarnya sebentar tadi . . . dan oleh sangat asyiknya bila ia mendengar syair-syair dan sajak-sajak tidak dikiranya berapa gelas arak yang telah diminumnya sehingga kadang-kadang ia terlupakan dirinya berada di mana.

Demikianlah sepintas lalu riwayat hidup Ibnu al-Daḥḥāk penuh dengan sukaria hingga ia dipanjangkan umurnya, mencapai seratus sepuluh tahun. Di masa tuanya juga ia masih tetap didampingi oleh khalifah-khalifah di istina dan masih tetap sebagai biduan dan ahli lawak yang disukai . . .

Pada suatu hari ia diperintahkan untuk menghadap ke istana khalifah al-Amin, bila sampai sahaja ke istana, ia diminta duduk di samping khalifah. Khalifah lalu membisikkan:

“Dengan apa yang hendak ku katakan kepadamu hai Ibnu al-Daḥḥāk”.

“Hamba taat setia Ya Amir al-Mukminin”.

“Kerana engkau selalu berdamping denganku, itulah sebabnya aku mempercayaimu, dan aku harap engkau dapat merahsiakannya.”

Ibnu al-Dahhāk hairan, kerana ia tiada pernah dibisikkan dengan sesuatu yang menghairankan oleh khalifah melainkan pada hari itu. Tetapi segera ia menjawab:

“Hamba sedia merahsiakannya Ya Amīr al-Mu’minīn”.

“Hari ini aku amanatkan rahsia kepadamu. Engkau tentu tahu aku mempunyai jariah bernama “Ghazam” Bagaimana aku menyayangi dan mencintainya”

“Benar tuanku!”

Dan engkau tentu tahu bahawa ia seorang wanita yang tercantik dan seorang biduanita yang tak ada tolok bandingannya di zaman ini”

“Benar kata tuanku!”

“Tetapi tentu engkau tak tahu bagaimana ia menyakiti hatiku selama ini, kerana kecantikannya dan kebijaksanaannya sebagai biduanita ia tidak mengendahkan lagi aku sebagai khalifah, pada hal ia hanya seorang jariah.”

“Sampai begitu sekali ia tidak sedarkan dirinya tuanku!”

Khalifah mendingkan diri, kemudian berkata lagi:

“Bahkan lebih daripada itu”

Khalifah al-Amīn pun menceritakan satu persatu bagaimana layanan buruk yang dilakukan kepadanya oleh jariahnya “Ghazam”, seolah-olah ia mempermain-mainkan

mahkotanya, semua itu kerana jariah itu sekarang ini menganggap dirinya seorang wanita jelita dan biduanita yang amat disayangi oleh khalifah hingga ia tahu bahawa khalifah tidak akan boleh melakukan apa-apa terhadap dirinya

Setelah habis diceritakan segala rahsia itu, khalifah al-Amīn lalu berkata:

“Segala rahsia ini aku ceritakan kepadamu, ialah kerana aku hendak engkau menyebelahi aku dalam perkara ini, dan aku hendak membuat satu tindakan.”

“Demi Allah, segala perintah tuanku akan hamba lakukan”

Dengan suara perlahan-perlahan seolah-olah berbisik-bisik khalifah al-Amīn berkata kepada Ibnu al-Dahhāk:

“Engkau akan ku undang ke suatu majlis istimewa yang akan aku adakan malam ini. Jariahku “Ghuzam”¹ akan menyanyi selepas itu seorang jariah lain akan turut menyanyi juga tetapi bila “Ghuzam”² menyanyi, aku harap engkau jangan menunjuk-nunjukkan tertariknya hatimu dan kesukaanmu mendengar nyanyinya itu, dan bila jariah yang lain menyanyi selepas dia baharulah engkau nyatakan dan tunjukkan sekali kesukaanmu mendengar nyanyiannya itu, minumlah seberapa yang engkau suka kerana menunjukkan yang engkau benar-benar telah asyik dan khayal kerana kesukaan mendengar nyanyinya jariah yang seorang itu. Buatlah apa sukamu dalam majlis itu, umpamanya menghentak-hentakkan kaki, mengoyak-ngoyakkan bajumu jangan engkau

¹ Perkataan sebenarnya ialah Ghuram

² Ibid.

takut sehelai bajumu yang koyak akan ku ganti dengan

dua puluh helai baju baharu”

Ibnu al-Daḥḥāk amat gembira mendengar pengakuanya¹

khalifah itu, lalu ia berkata:

“Akan hamba lakukan segala pesanan tuanku.

Lihatlah bagaimana lakonan hamba malam nanti”

Pada malam itu baginda Khalifah telah menyediakan satu

majlis istimewa di dalam istananya, di mana al-Daḥḥāk

salah seorang daripada yang diundang. Ada pun “Ghuram”

jariah jelita dan biduanita yang terkenal itu telah

berada di tengah-tengah majlis, memegang gambusnya menambahkan

kegemilangan majlis itu, gambusnya di pangku seolah-olah

ibu memangku anaknya yang hendak disusui. Berada

di samping “Ghuram” seorang jariah lain yang tidak

kurang kecantikannya daripada jariah yang pertama tadi, ia

juga memeluk gambus yang mengeluarkan irama indah

dari gitaran jari jemarinya

Bila al-Daḥḥāk masuk ke ruang itu, khalifah

sendiri menyambutnya dan diperintahkan duduk berhampiran

sekali dengannya. Kemudian dipelawanya ia minum minuman

keras seberapa yang ia suka.

Majlis istimewa itu pun dimulakanlah

“Ghuram” jariah biduanita yang cantik jelita itu

mengalunkan suaranya mengikut irama gambus yang

dipetik oleh jari jemarinya sendiri Getaran

irama gambus yang diikuti suara mengalun itu,

membayangkan kepada Ibnu al-Daḥḥāk seolah-olah ia dibuaikan

oleh satu irama biduanita dari syurga

. . . . Bawalah kepadaku hai pencuri hati

seorang daripada mereka yang kau katakan

semoga sajakku setelah aku mati

menepati janji kita materikan.

Tidak akan ku lupakan biar sampai bila

segala yang kau katakan semalam dahulu

apa yang kau pendam katakanlah pula

tidak akan siapa yang boleh tahu

Arak yang telah beberapa gelas diminumnya menjalankan

peranan penting di kepala al-Daḥḥāk, menyebabkan ia seolah-olah

um² pernah mendengar biduan yang menyanyikan syair atau

sajak itu. Kerana sajak yang dinyanyikan oleh “Ghuram”

itu tidak lain dan tidak bukan ialah sajak

yang dicipta oleh Ibnu al-Daḥḥāk sendiri, kerana

asyik dan amat gembiranya mendengar nyanyian biduanita

jelita yang mendendangkan sajaknya itu, menyebabkan lupa

ia pada pesanan yang telah diperintahkan kepadanya oleh khalifah

mīn³, hanya yang diingatnya khalifah telah mengizinkan

membebaskan ia berbuat apa sahaja dalam majlis itu,

lalu dihentak-hentakkan kakinya ke lantai sambil bertepuk-tepuk

tangannya mengikut irama lagu yang sedang dinyanyikan oleh

jariah kesayangan khalifah itu.

Khalifah merah padam warna wajahnya, kerana lain

yang diperintahkan lain pula yang dilakukan oleh

al-Daḥḥāk, baginda memerhatikan tingkah laku al-Daḥḥāk

sambil menggigit bibirnya tetapi segala-segala

tanda-tanda kemarahan baginda tidak dihiraukan oleh

¹ Perkataan sebenarnya ialah pengakuan

² Teks asal kabur. Perkataan sebenarnya ialah belum.

³ Teks asal kabur. Perkataan sebenarnya ialah al-Amīn.

al-Daḥḥāk.

Bila sampai giliran kepada jariah yang kedua menyanyi, Ibnu al-Daḥḥāk tidak segembira tadi
Tatkala itu baharulah disedari kesalahannya apabila ia melihat wajah baginda Khalifah masam dan merah padam . . .
Ia pun berlaku seolah-olah asyik mendengar nyanyian yang dinyanyikan oleh jariah yang kedua itu, tetapi kelihatan benar kegembiraannya itu seolah-olah dipaksa-paksakannya
Kerana sebenarnya ia takut dengan tindakan balas yang akan dilakukan oleh baginda Khalifah.

Sampailah giliran kepada “Ghuram” lagi untuk menyanyi, setelah jari jemarinya yang halus itu memetik-memetik tali gambusnya, keluarlah irama-irama indah yang mengkhayalkan para pendengarnya jariah rupawan itu lalu bernyanyi:

. . . . “Dapatlah bahagia setelah diputus asakan kalau ku sedar tak guna ku kenang semua itu aku dikhianati masa tak dapat ku rasakan tidak ada gunanya kita berjumpa dan kembali
bersatu.”

Keadaan Ibnu al-Daḥḥāk yang telah pening-pening lalat oleh minuman-minuman keras itu, menyebabkan ia tidak dapat mengawal dirinya, lalu kerana asyiknya ia mendengar suara merdu yang kena dengan iramanya itu, dihentak-hentakkan kakinya ke lantai dan kerana tak sedrkan dirinya di koyak-koyakkannya bajunya sendiri hingga koyak rabak.

Khalifah al-Amīn tidak dapat menahan marahnya,

kerana segala rancangannya hendak memburuk-burukkan jariahnya itu tidak berhasil, lalu dengan murkanya ia memerintahkan khadam-khadamnya mengangkat Ibnu al-Daḥḥāk dan dihumbankan di tengah-tengah jalan raya

Pada subuh hari itu, orang ramai mendapati Ibnu al-Daḥḥāk berada di tepi jalan dengan kepala berbenjol-benjol dan bajunya koyak rabak. Bila di tanya apa sebabnya ia demikian rupa, ia memaki-maki arak minuman sial yang menyebabkan ia lupa diri lalu dihumbankan oleh orang di tengah jalan ini.

Beberapa ketika setelah berlalu, Ibnu al-Daḥḥāk dalam kecemasan, kerana dengan tiba-tiba beberapa orang khadam istana mendatangi rumahnya, dan mengusungnya dengan paksa untuk ke istana kerana perintah dari khalifah. Sesampainya di istana ia dudukkan ke suatu tempat Berhampiran dengan khalifah yang sedang dihadapi oleh jariahnya “Ghuram”. Ia tidak berani berkata apa-apa, ia menyangka riwayat hidupnya akan ditamatkan pada malam itu, kerana itu ia tetap tidak bergerak di tempat duduknya hingga khalifah memerintahkan supaya “Ghuram” menyanyi.

Sebagaimana biasa biduanita yang mempunyai kejelitaan rupa dan kemerduan suara itu menyanyi mematuhi perintah tuannya sambil bersajak:

. . . . Aku tawanan bagi siapa yang telah jatuh

hatinya

azab sengsara yang disebabkan aku dekati

tetapi tiada jalan bagiku untuk mengelakkannya

Selain daripada menjauhkan diri atau mati . . .

Ibnu al-Daḥḥāk tetap membisu dan mendingankan

dirinya. Tidak sedikit pun disentuh minuman keras

yang dihadapkan kepadanya, biar pun ia amat tertarik

dengan nyanyian dan sajak yang baharu didengarnya. Tiba-tiba

khalifah tertawa Dan tertawa diikuti oleh

orang-orang lain yang menyertai khalifah

Khalifah bertanya:

“Mengapa engkau membisu? Engkau tidak tertarik

dengan sajak dan nyanyian itu?”

“Demi Allah tidak tuanku”.

“Mengapa”

“Kerana hamba seolah-olah disuruh memilih

Keluar daripada kesalahan yang pernah hamba lakukan atau

keluarnya kepala hamba daripada badan”.

Mendengar itu khalifah semakin tertawa dan

hingga mengeluarkan air mata, baginda lalu berkata:

“Malam ini jangan engkau takut buatlah

sesuka hatimu kerana kemarahanku padamu

tempoh hari menyebabkan “Ghuram” mengasihi engkau

dan menyukai aku kalaulah pada malam itu juga

engkau menyebabkan kebenciannya dan ia meminta aku penggal

kepala engkau, tentu sahaja akan ku penggal kepalamu.”

Kemudian khalifah memerintahkan supaya Ibnu al-Daḥḥāk

dikurniakan sepuluh ribu dirham dan dua puluh

persalinan.

Hari berganti minggu, minggu berganti bulan

dan bulan berganti tahun, dan . . . Beberapa tahun

kemudiannya wafatnya Khalifah al-Mukminīn al-Amīn

Ibn Harūn al-Rashīd salah seorang khalifah “Banī

‘Abbās” yang terkemuka, “Ghuram” tinggal disebuah rumah

yang terpencil hingga ke semasa tuanya . . . Dan

sehingga akhir hayatnya ia tidak lupa kepada al-Daḥḥāk

penyair tua yang amat didampingi oleh khalifah semasa

hayatnya, ia sering memberi hadiah-hadiah berupa wang dan

pakaian kepada al-Daḥḥāk.

-Tamat-

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

E D R U S

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

Q A L A M,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.